

## Kongsi Budaya dalam Malam Antarabangsa UMP



Kuantan, 28 Oktober- Lebih 1000 orang dalam kalangan pelajar antarabangsa bersama-sama keluarga masing-masing memeriahkan Program International Open Day 2015 yang berlangsung di Dewan Astaka di UMP kampus Gambang baru-baru.

Penganjuran acara tahunan ini merupakan platform terbaik melibatkan penyertaan melibatkan pelajar antarabangsa bersama warga UMP terutamanya dalam mempersembahkan keunikan budaya negara asal mereka melalui pameran kebudayaan, penyediaan juadah yang mempunyai citarasa yang berbeza serta persembahan kebudayaan negara masing-masing.



Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr. Zulkefli Yaacob berkata, kewujudan Kelab Pelajar Antarabangsa yang diterajui pelajar antarabangsa memperlihatkan penyertaan pelajar dalam komposisi 1 Dunia (1 World) berjaya memupuk semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan pelajar tempatan dan negara luar.

"Penganjuran program ini bukan sahaja dapat memperkukuhkan hubungan baik antara pelajar dari negara yang sama malahan melibatkan warga kampus dalam berkongsi budaya dan tradisi pelbagai negara," katanya.



Sementara itu, bagi Alaudin Mohamad Sidiq 26 tahun, dari Sudan pelajar tahun kedua Kejuruteraan Elektrikal dari Pekan menyifatkan pogram sebegini memberikan peluang kepada pelajar antarabangsa yang jauh dari kampung halaman untuk bersama-sama meraikan malam yang bermakna bagi mereka yang rindukan suasana di negara asal masing-masing.

Tidak ketinggalan pelajar pertukaran dari China, Woo Cheng Wei 24 tahun pelajar tahun akhir yang kini menuntut di dalam jurusan Kejuruteraan Mekanikal begitu teruja dengan pengalaman pertama beliau untuk dikongsi bersama-sama rakan negara lain.



Pelbagai juadah disediakan oleh pelajar antarabangsa di setiap booth yang mempamerkan masakan negara masing-masing seperti Yaman, China, Nigeria Sudan, Pakistan, Bangladesh, India dan Iraq. Persembahan dari Sudan menjuarai pertandingan pameran diikuti dengan Jordan di tempat kedua yang menonjolkan persembahan tradisional dari negara masing-masing.

***Disediakan Bahagian Komunikasi Korporat PNC.***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 02-11-2015, 15:06:13